

29/03/1998

Usaha tangani gawat kian berhasil

JELI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pelbagai usaha berterusan yang diambil kerajaan bagi menangani kegawatan ekonomi negara, kini mula memperlihatkan hasil yang menggalakkan.

Perdana Menteri memberi contoh nilai ringgit dulu pada paras RM4.80 bagi satu dolar Amerika, tetapi kini semakin kukuh pada paras RM3.70 manakala pasaran saham melepasi 700 mata berbanding di bawah 500 mata sebelumnya.

"Ekonomi kita mula pulih, tapi bukanlah pulih sepenuhnya," katanya kepada pemberita selepas majlis pemimpin bersama rakyat dan perasmian mesyuarat perwakilan Umno bahagian Jeli di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawan yang juga Ahli Parlimen Jeli, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa.

Dr Mahathir juga yakin kegawatan ekonomi di rantau ini tidak akan menjejaskan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2010, sebaliknya membantu mempercepatkan pelaksanaannya kerana Malaysia, misalnya, sedang meningkatkan perdagangan dengan negara jiran.

Perdana Menteri bagaimanapun mengakui nilai ringgit sukar stabil kerana apa pun tindakan yang diambil kerajaan, spekulator mata wang tetap membuat sesuatu supaya ringgit menjadi tidak tentu arah.

Dalam dagangan mata wang, jika wang itu stabil mereka tidak boleh dapat untung. Mereka hendak mata wang menjadi turun naik supaya boleh untung. Jadi bagaimana kita boleh harapkan mereka untuk stabilkan mata wang kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, kuasa asing juga masih berusaha menurunkan nilai mata wang dan pasaran saham Malaysia supaya kerajaan tidak dapat memajukan negara dan terpaksa meminta bantuan asing.

"Ketika itulah kuasa asing akan mengenakan pelbagai syarat yang akan menjadikan negara ini dijajah semula."

"Mereka juga cuba menjadikan syarikat dan bank kita muflis dengan tidak membenarkan kerajaan menolong syarikat yang bermasalah supaya syarikat terbabit bankrap."

"Dengan itu, mereka dapat membeli syarikat terbabit dengan harga murah. Mereka tidak segan membuat kenyataan akhbar di luar negara ada jualan murah, cheap sale dan cheap fire bagi syarikat di Malaysia," katanya.

"Bagaimanapun, apabila syarikat itu dibeli kerajaan, mereka menuduh kita menggunakan wang untuk sesuatu yang salah seperti menyelamatkan (bail-out) syarikat," katanya.

Perdana Menteri berkata, kuasa asing mahu memasuki negara ini seperti yang dilakukan di negara lain dengan menguasai syarikat dan bank tempatan supaya dasar yang ditetapkan kerajaan tidak dapat dilaksanakan.

"Tujuan mereka tidak lain ialah untuk kembali menjajah kita seperti menurunkan nilai mata wang, menimbulkan ketakutan kepada kerajaan dan terpaksa menerima arahan kuasa asing," katanya.

Sebab itu, kata Dr Mahathir, walaupun Malaysia adalah antara dua negara yang tidak meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), kuasa asing melakukan pelbagai usaha supaya kerajaan meminta pertolongan mereka.

Dalam kes Korea Selatan, kata Dr Mahathir, negara itu dipaksa menjual saham syarikat gergasi kepada orang asing bukan untuk memajukan syarikat terbabit, tetapi membeli saham, menguasai syarikat dan mengubah arah perniagaan itu.

"Mungkin mereka akan menghentikan pengeluaran kereta Korea dan meminta

Korea memasang kereta mereka," katanya.  
(END)